

26 MAY 1999

Razaleigh-Ulama

PEMIMPIN PAS DIDAKWA GUNA GELARAN ULAMA UNTUK KEPENTINGAN POLITIK

KOTA BAHARU, 26 Mei (Bernama) -- Bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46 Tengku Razaleigh Hamzah mendakwa Pas yang kononnya berjuang atas landasan kepimpinan ulama mempergunakan agama untuk mempengaruhi dan meraih sokongan rakyat negara ini.

Katanya berdasarkan pengalamannya bersama Pas melalui Angkatan Perpaduan Ummah di Kelantan, pemimpin Pas yang menggelarkan diri mereka sebagai ulama didapati sering membuat kenyataan atas kepentingan parti dan bukan demi kepentingan Islam.

"Dia memang tahu soal agama berbanding pihak lain tetapi dia (pemimpin Pas) tetap orang politik dan bertindak atas dasar politik," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

"Saya tidak nampak dia (pemimpin Pas) bertindak sebagai ulama, dia bertindak kerana parti dan bukan kerana Allah. Itu sebab dia berpihak kerana cuba nak lindungi kepentingan parti dan perjuangan," katanya.

Menurutnya, golongan itu dalam usaha mempolitikkan agama telah mengeluarkan kenyataan secara bebas yang disifatkan sebagai fatwa oleh golongan yang menyokong mereka.

Sehubungan itu, Tengku Razaleigh mengakui kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa ulama sebenar adalah golongan yang tidak berpihak dan bebas memberikan pandangan seperti Majlis Fatwa.

Dr Mahathir ketika dalam sesi dialog pada seminar antarabangsa mengenai Islam semalam menjelaskan bahawa beliau hanya menerima ulama yang tidak mempunyai agenda politik dan membuat tafsiran berlandaskan Al-Quran.

Tengku Razaleigh juga berkata masyarakat perlu berhati-hati dengan kenyataan golongan yang mengakui diri sebagai ulama kerana bimbang ianya boleh menggugat kententeraman dan perpaduan rakyat.

Ditanya mengenai kegagalan kerajaan Kelantan memulihara alam sekitar apabila membiarkan pembangungan dan pembalakan secara berleluasa di tanah tinggi Lojing di Gua Musang, Tengku Razaleigh yang juga anggota parlimen Gua Musang berkata perkara itu mungkin berlaku kerana kerajaan negeri terlalu bergantung kepada sumber balak bagi menampung perbelanjaan negeri.

Katanya ekoran kemerosotan harga balak, Kelantan dijangka menghadapi masalah kewangan yang meruncing pada masa depan bagi menampung perbelanjaan negeri dan gaji kakitangannya.

-- BERNAMA

RAR FAZ